

# e-Buletin JSKM

EDISI  
APRIL  
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



## Menyemai Harapan, MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS  
APRESIASI JSKM  
2026

Laporan

RAFAH YANG  
DIRATAH TIDAK  
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI  
PASIR DAN  
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

# Ramadhan

## *Reset Hidup, Reset Dosa*

Fadzilawani Astifar Alias & Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri

Ramadhan bukan sekadar bulan dalam kalendar Islam. Ia adalah butang "reset" yang Allah hadiahkan kepada hamba-Nya setiap tahun. Dalam dunia yang penuh keletihan, dosa, kesibukan dan kelalaian, Ramadhan hadir seperti cahaya yang menyuluh kembali arah hidup kita.

Kadang-kadang kita tidak sedar, hidup berjalan terlalu laju. Hati menjadi keras. Solat menjadi rutin tanpa rasa. Al-Quran jarang disentuh. Doa pula hanya singgah ketika susah. Lalu Allah datangkan Ramadhan, bukan untuk membebaskan, tetapi untuk menyelamatkan.



### RESET HATI

Sepanjang 11 bulan, hati kita terdedah kepada pelbagai penyakit, riak, marah, hasad, sombong dan lalai. Ramadhan mengajar kita menahan bukan sahaja lapar dan dahaga, tetapi juga menahan ego dan emosi. Apabila kita berpuasa, kita belajar bahawa kita ini lemah. Kita bergantung sepenuhnya kepada Allah. Dari Subuh hingga Maghrib, kita menahan diri bukan kerana tiada makanan, tetapi kerana taat kepada perintah-Nya. Di situlah hati di-reset. Kita kembali sedar siapa diri kita. Kita hanyalah seorang hamba yang lemah.

### RESET HUBUNGAN DENGAN AL-QURAN

Ramadhan adalah bulan Al-Quran. Inilah masa kita memperbaharui hubungan dengan Kalam Allah. Mungkin sebelum ini kita jarang membaca. Mungkin sekadar membaca tanpa memahami. Tetapi Ramadhan memberi peluang untuk bermula semula. Setiap huruf digandakan pahala. Setiap ayat melembutkan jiwa. Setiap surah yang dibaca menjadi saksi di akhirat kelak. Ramadhan bukan sekadar khatam Al-Quran, tetapi membiarkan Al-Quran "menghidupkan" kita. Betapa Allah Maha Baik menghadirkan Ramadhan disaat hati tengah lalai dengan dunia.



## RESET DOSA

Manusia tidak lari daripada dosa. Ada dosa yang kita sedar. Ada dosa yang kita lupa. Ada dosa yang kita ulang berkali-kali. Namun Nabi SAW bersabda bahawa sesiapa yang berpuasa dengan penuh iman dan mengharap ganjaran Allah, diampunkan dosa-dosanya yang lalu.

*Bayangkan...*

Dosa bertahun-tahun, boleh dihapuskan dalam 30 hari. Ramadhan adalah peluang membersihkan rekod hidup kita. Ia seperti lembaran baru yang Allah buka untuk kita tulis semula kisah diri dengan lebih baik.

## RESET GAYA HIDUP

Ramadhan mengajar disiplin:

- Bangun awal untuk sahur
- Mengawal makan dan minum
- Mengurus masa antara kerja dan ibadah
- Menghidupkan malam dengan tarawih dan qiyam

Jika kita mampu disiplin selama 30 hari, mengapa tidak mampu meneruskannya selepas Syawal? Ramadhan mendidik kita bahawa perubahan itu mungkin berlaku jika kita benar-benar mahu.



## JANGAN BIARKAN RESET INI SEMENTARA

Ramadhan bukan sekadar musim ibadah. Ia adalah latihan transformasi. Malangnya, ada yang kembali seperti biasa sebaik sahaja Aidilfitri berlalu. Persoalannya bukan berapa banyak kita menangis di malam terakhir Ramadhan.

Tetapi berapa lama kesan Ramadhan kekal dalam hidup kita. Jika Ramadhan berjaya melembutkan hati kita, kekalkan kelembutan itu.

Jika Ramadhan mendekatkan kita dengan masjid, teruskan langkah itu. Jika Ramadhan membuat kita takut melakukan dosa, jangan padamkan rasa itu.

Ramadhan datang membawa rahmat. Ia bukan sekadar bulan untuk berlajar, tetapi bulan untuk berubah.

Reset hidup.

Reset dosa.

Reset hubungan dengan Allah.

Semoga Ramadhan kali ini bukan sekadar berlalu seperti tahun-tahun sebelumnya, tetapi benar-benar menjadi titik perubahan dalam perjalanan kita menuju reda Ilahi.

Kerana mungkin...

Ini adalah Ramadhan terakhir yang Allah beri untuk menyelamatkan kita.



اَبُو بَكْرِ سَيِّدِي نَبِيْكَرُ لَوْ كُنِيَ مَبْرُورًا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

**Unit Penerbitan e-Buletin**  
**Jabatan Sains Komputer dan Matematik**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**  
**13500 Permatang Pauh**  
**Pulau Pinang**

eISSN 2637-0077



9 772637007004